

Inspira*si*

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الوطنية للتربية والتعليم

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 35: 30 September 2024



4,195 Pelajar Baharu Daftar Masuk UPSI

Tanjong Malim, 28 September - Seramai 4,195 pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda mendaftar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi pengambilan September 2024/2025, semalam. Suasana pendaftaran dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang itu berjalan dengan lancar. Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada pelajar baharu yang hadir seawal jam 7.00 pagi bersama keluarga masing-masing di Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

"Alhamdulillah, proses pendaftaran lancar dan UPSI menyambut pelajar serta keluarga dengan penuh kegembiraan dan mereka akan mengikuti Minggu Intelektual dan Interaksi Anak Kandung Suluh Budiman (MILLENNIA) iaitu acara tahunan yang dikendalikan oleh 200 pelajar yang ditugaskan sebagai fasilitator," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Norkhalid Salimin berkata MILLENNIA menjadi platform utama untuk pelajar baharu menyesuaikan diri dengan persekitaran kampus, sekali gus memupuk semangat kekeluargaan dan intelektual sebagai Anak Kandung Suluh Budiman. "UPSI bukan sahaja menawarkan pendidikan yang unggul,

tetapi juga memberi peluang kepada pelajar untuk menikmati suasana kampus yang harmoni dan indah," katanya.

Beliau menambah pelajar baharu boleh dianggap bertuah kerana UPSI mempunyai pelbagai kemudahan rekreasi seperti Pusat Bowling UPSI, Kolam Renang Gimnasium UPSI, Edu Forest, dan UPSI Adventure Park yang pastinya akan menjadi daya tarikan kepada pelajar baharu untuk beriadah pada masa lapang.

Selain itu, pelajar yang mengalami masalah kewangan tidak perlu bimbang kerana UPSI menyediakan khidmat Bantuan Pendaftaran Pelajar Baharu yang diselia oleh Pusat Wakaf Endowmen Zakat Khairat dan Sedekah (WEZAS) serta kerjasama erat dengan Seksyen Kebajikan, Perkhidmatan dan Perumahan Pelajar. "Inisiatif ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan yang dihadapi pelajar, seterusnya memastikan mereka dapat melanjutkan pengajian dengan lebih tenang, tanpa kerisauan kewangan di UPSI.

Beliau menjelaskan langkah-langkah proaktif ini mencerminkan komitmen UPSI dalam menjaga kebajikan setiap pelajar, khususnya mereka yang memerlukan, sejajar dengan misi universiti untuk melahirkan insan yang bukan sahaja berilmu, malah prihatin terhadap kesejahteraan masyarakat sekeliling.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



83,752 Pelajar Terima Manfaat Program Anak Kita

Batang Kali, 27 September - Seramai 83,752 pelajar dan 3,458 sekolah menerima manfaat daripada Program Anak Kita bagi mengatasi isu keciciran pembelajaran di negara ini. Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata,

Program Anak Kita merupakan salah satu inisiatif bidang keutamaan kerajaan di bawah fokus Reformasi Pendidikan yang direka khusus untuk menangani masalah keciciran pembelajaran di Malaysia. "Program

Anak Kita dibahagikan kepada tiga program utama iaitu Program 3M (sekolah rendah), Program Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (sekolah menengah) dan Program Murid Cicir (sekolah rendah dan menengah).



UPSI Bantu Pelajar Cemerlang STPM Sumbang Belajar

Kelantan, 24 September - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengambil inisiatif menyampaikan sumbangan UPSI Prihatin kepada seorang pelajar yang kurang kemampuan yang berjaya menyambung pelajaran ke universiti itu.

Pelajar tersebut ialah Nurul Hazwanie Mohd Badeli, merupakan seorang anak penoreh getah dari Pasir Mas, Kelantan yang ditawarkan untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Melayu) dengan Kepujian. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Prof Dr. Norkhalid Salimin berkata, bantuan sumbangan UPSI

Prihatin berupa Bakul RAHMAH dan bantuan kewangan sebanyak RM 1000.00 bagi meringankan beban keluarga dalam usaha melanjutkan pengajian di UPSI.

"Pihak universiti juga telah menghantar wakil bagi menyalurkan bantuan tersebut menerusi Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA) dan Pusat Waqaf, Endowmen, Zakat, Sedekah dan Khairat (WEZAS).

"Pelajar ini akan mendaftar sebagai pelajar sebagai pelajar baharu pada 28 September depan, namun berdepan kesukaran untuk membayar yuran pendaftaran dan membeli barangan keperluan peribadi.

"UPSI mengambil inisiatif untuk memastikan tiada pelajar yang tercicir daripada mendapat peluang menyambung pelajaran," ujar beliau.

Terdahulu, Nurul Hazwanie mendapat perhatian menerusi hantaran Pengerusi Eksekutif Yayasan, Raja Shamri di laman Facebook beliau mengenai anak bongsu dari tiga orang adik-beradik itu sukar untuk menyambung pengajian kerana keluarganya mempunyai masalah kewangan.

Nurul Hazwanie mendapat keputusan yang cemerlang dalam STPM 2023 dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) sebanyak 3.67.



Kursus Pengauditan Pengurusan Kontrak Penyelenggaraan Bangunan oleh Bahagian Audit Dalam UPSI

Kuala Lumpur, 25 September - Bahagian Audit Dalam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah berjaya menganjurkan Kursus Pengauditan Pengurusan Kontrak Penyelenggaraan Bangunan pada 23 hingga 25 September 2024 bertempat di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur. Kursus ini telah dirasmikan oleh En. Helmi Zaifura bin Abdul Rahman Pendaftar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) selaku wakil Pengurusan Tertinggi UPSI. Turut hadir dalam kursus ini ialah Ketua Audit Dalam UPSI, En. Hanafi Junit dan juga Pengarah Program Pn. Munawarah Saharani

Seramai 85 peserta daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta seperti Kementerian Dalam Negeri, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Perbadanan

Pejabat Menteri Besar Kelantan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (Tourism Pahang), Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, MARDI, MAIWP, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Majlis-majlis Bandaraya dan Perbandaran, Swinburne University of Technology, Universiti-universiti Awam dan lain-lain. Peserta-peserta ini terdiri dari kalangan kakitangan di dalam bidang audit, kewangan, kejuruteraan dan perundangan.

Tujuan penganjuran kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam bidang pengauditan. Selain itu ia juga dapat memberi pendedahan terhadap isu-isu penyelenggaraan

bangunan serta membri maklumn kepada peserta mengenai garis panduan, peraturan dan prosedur terkini.

Secara tidak langsung penganjuran kursus ini juga merupakan salah satu program penjana PTj bagi menyokong sedikit usaha-usaha melestarian kewangan universiti bagi menempuh cabaran pada masa hadapan.

Pengisian kursus ini telah disampaikan oleh penceramah-penceramah yang berpengalaman iaitu Pn. Noor Azizah binti Majid dari Jabatan Kerja Raya Malaysia dan En. Sameri bin Abdullah daripada Bahagian Audit Dalam Kementerian Kesihatan Malaysia dan dibantu oleh En. Muhammad Husaini bin Hanapi selaku fasilitator.



FSM Mobility Students and Staff Embark on Exciting Academic Exchange Journey in Indonesia



Majlis Santapan Malam Rejimental Pasukan Latihan Pegawai Simpanan UPSI



Synergy Leadership Camp, Kolej Aminuddin Baki tekad bina MMK yang berkualiti



UPSI Perkukuh Jalinan Komuniti di Karnival STEM Hulu Selangor